



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Panduan Pelaksanaan Modul Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pembangunan Kurikulum



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Panduan Pelaksanaan Modul Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Terbitan Mac 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, MALAYSIA.

Terbitan:
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8, Blok E9,
Kompleks Kerajaan Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

KANDUNGAN

SENARAI RAJAH	v
RUKUN NEGARA	vii
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	viii
KURIKULUM KEBANGSAAN	ix
KATA ALU-ALUAN PENGARAH	x
Pengenalan	1
MATLAMAT	2
OBJEKTIF	2
FOKUS	3
KOMPONEN MODUL TMK	3
PELAKSANAAN MODUL TMK DALAM KURIKULUM	3
KEMAHIRAN DALAM MODUL TMK	9
MOD PENGGUNAAN MODUL TMK	13
CONTOH PENGINTEGRASIAN MODUL TMK DALAM P&P	15
RUJUKAN	75
LAMPIRAN: PEMETAAN MODUL TMK TAHUN 1 DALAM MATA PELAJARAN	77
AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN	89

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

Rajah 1: Carta Alir Pelaksanaan Modul TMK

6



RUKUN NEGARA

Bahawasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

memelihara cara hidup yang demokratik;

mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama;

menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;

membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996(Akta 550)

KURIKULUM KEBANGSAAN

“3. Kurikulum Kebangsaan

3(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.”

Sumber:Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1996

[PU(A)531/97]

KATA ALU-ALUAN PENGARAH



Dalam usaha Kementerian Pendidikan Malaysia merealisasikan pembangunan modal insan dalam konteks Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), konsep Modul TMK merentas kurikulum dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) diperkasakan lagi dengan penerapan kemahiran pemikiran komputasional.

Bagi menyediakan murid dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam TMK, Modul TMK digubal berlandaskan kepada transformasi pendidikan terkini dan mengikut penanda aras luar negara. Modul TMK peringkat sekolah rendah dalam KSSR (Semakan 2017) dilaksanakan secara merentas kurikulum melalui pengaplikasian dalam konteks semua mata pelajaran. Pengintegrasian Modul TMK dalam mata pelajaran boleh dilaksanakan dengan atau tanpa komputer (*Plugged and Unplugged*).

Buku ini menghuraikan bagaimana Modul TMK boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara efektif di sekolah dengan menyediakan contoh bagi membolehkan guru merancang aktiviti PdP yang bersesuaian dengan mata pelajaran masing-masing.

Akhir kata, BPK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penyediaan buku ini. Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua guru demi mencapai hasrat dan objektif Modul TMK dalam KSSR (Semakan 2017).

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang bermula pada tahun 2011 menekankan elemen Kreativiti dan Inovatif, Keusahawanan serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) sebagai elemen merentas kurikulum. Mulai 2017, TMK dilaksanakan sebagai modul tambahan yang akan diajar merentas kurikulum mengikut kesesuaian topik dalam mata pelajaran.

Modul TMK yang diperkenalkan dalam KSSR (Semakan 2017) menerapkan **Kemahiran Pemikiran Komputasional (KPK)** sejajar dengan perubahan trend global kurikulum TMK. Melalui KPK murid dilatih berfikir secara logik dan sistematik dalam menyelesaikan masalah dengan menggunakan prinsip asas sains komputer melalui kemahiran pengaturcaraan dan algoritma.

Hasrat memperkenalkan Modul TMK adalah selaras dengan Anjakan 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memberi penekanan memanfaatkan TMK untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia bagi menyediakan murid dengan kemahiran dan pengetahuan untuk belajar dengan berkesan dan hidup secara produktif dalam dunia global dan digital. Ini dilaksanakan dengan memanfaatkan TMK dalam membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi secara menyebatkan TMK dalam kurikulum (Gelombang 1) dan memperkenalkan inovasi dalam TMK (Gelombang 2).

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, TMK akan ditawarkan sebagai Mata Pelajaran Wajib di peringkat menengah rendah dan Mata Pelajaran Elektif pada peringkat menengah atas. Penawaran ini dapat memastikan murid mempunyai asas yang kukuh dalam bidang TMK sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Sehubungan dengan itu, Modul TMK yang menekankan prinsip-prinsip asas dan konsep pembinaan teknologi digital diperkenalkan di peringkat sekolah rendah sebagai persediaan murid ke peringkat menengah.

MATLAMAT

Modul TMK peringkat sekolah rendah bermatlamat untuk memastikan murid berupaya mengaplikasikan kemahiran, mengukuhkan pengetahuan dan menghayati nilai serta etika dalam penggunaan TMK bagi melahirkan murid yang boleh mencipta dan berinovasi.

OBJEKTIF

Pada akhir persekolahan di peringkat rendah, murid akan dapat:

- 1 Menghasilkan pelbagai produk digital melalui perisian secara kreatif dan inovatif
- 2 Menyelesaikan masalah melalui pendekatan Algoritma (*Algorithm*), Logik (*Logical Reasoning*), Leraian (*Decomposition*), Pengecaman Corak (*Pattern Recognition*), Peniskalaan (*Abstraction*) dan Penilaian (*Evaluation*).
- 3 Menyusun, menganalisis dan mempersembahkan data atau idea secara logik dan sistematik melalui algoritma.
- 4 Menginterpretasi data melalui konsep visualisasi seperti model, simulasi dan carta alir.
- 5 Mengenal pasti, menganalisis dan melaksanakan penyelesaian yang mungkin bagi mencapai matlamat untuk mendapatkan kombinasi langkah dan sumber yang paling cekap dan berkesan dengan menggunakan teknologi komputer.
- 6 Mengamalkan nilai dan etika TMK serta mematuhi undang-undang siber.

FOKUS

Fokus Modul TMK adalah bagi pengukuhan kemahiran TMK, penerapan kemahiran pemikiran komputasional dan penyediaan hasil kerja yang kreatif dan inovatif.

KOMPONEN MODUL TMK

Modul TMK terdiri daripada Modul Kemahiran Asas TMK dan Modul Aplikasi.

- i. **Modul Kemahiran Asas TMK** ialah modul yang mengandungi kemahiran asas TMK yang perlu dikuasai oleh murid untuk melaksanakan Modul Aplikasi. Contoh kemahiran asas TMK adalah seperti kemahiran menyunting teks, menyisip imej, membuat jadual, membina pangkalan data, membuat persembahan elektronik dan melayari serta menggunakan perkhidmatan internet.
- ii. **Modul Aplikasi** ialah modul yang mengandungi Kemahiran TMK dan Kemahiran Pemikiran Komputasional (KPK) yang diajar melalui pengintegrasian dalam mata pelajaran sedia ada.

PELAKSANAAN MODUL TMK DALAM KURIKULUM

Dalam melaksanakan pengintegrasian Modul TMK dalam mata pelajaran, guru hendaklah mengambil perhatian dan pertimbangan kepada aspek latihan, waktu pelaksanaan, peranan guru, pelaksanaan PdP dan peruntukan per kapita geran.

Latihan

Latihan penggunaan Modul TMK telah diberi kepada wakil guru setiap sekolah bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan modul tersebut. Guru yang telah menerima latihan bertanggungjawab untuk melaksanakan latihan dalaman kepada guru mata pelajaran terlibat di sekolah masing-masing.

Peruntukan Waktu

Modul TMK dilaksanakan dalam waktu mata pelajaran yang berkaitan.

Peranan Guru

Guru yang melaksanakan Modul TMK ialah guru mata pelajaran seperti Jadual 1. Guru hendaklah memastikan murid menguasai kemahiran TMK dan KPK yang telah ditetapkan.


Jadual 1: Mata Pelajaran KSSR (Semakan 2017) yang mengintegrasikan Modul TMK

Bil	Mata Pelajaran	Tahap
1.	Bahasa Melayu	I & II
2.	Bahasa Inggeris	I & II
3.	Sains	I & II
4.	Matematik	I & II
5.	Pendidikan Islam	I & II
6.	Pendidikan Moral	I & II
7.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	I & II
8.	Pendidikan Kesenian	I & II
9.	Sejarah	II
10.	Reka Bentuk dan Teknologi	II

Langkah-langkah dalam menggunakan Modul TMK:

- i. Guru merujuk Modul Aplikasi untuk menentukan Kemahiran TMK yang perlu diajar berpandukan Standard Kandungan/ Standard Pembelajaran yang terlibat.
- ii. Sebelum memulakan PdP, guru perlu mengenal pasti kumpulan murid yang menguasai dan belum menguasai kemahiran asas TMK berpandukan senarai semak yang terdapat dalam Modul Aplikasi.
- iii. Bagi murid yang menguasai kemahiran asas TMK, murid boleh terus menggunakan Modul Aplikasi dan menyiapkan tugas dalam modul tersebut.
- iv. Guru hendaklah memastikan murid yang belum menguasai kemahiran TMK menggunakan Modul Kemahiran Asas TMK yang disediakan.
- v. Guru hendaklah membimbing murid menguasai kemahiran asas TMK yang diperlukan dalam Modul Aplikasi. Setelah murid menguasai kemahiran asas TMK, murid akan meneruskan PdP menggunakan Modul Aplikasi.
- vi. Guru hendaklah melaksanakan pentaksiran kemahiran asas TMK secara formatif berpandukan rubrik pentaksiran dalam Modul Kemahiran Asas TMK.
- vii. Guru hendaklah menggunakan rubrik pentaksiran yang disediakan dalam Modul Aplikasi untuk menentukan tahap penguasaan kemahiran TMK murid.
- viii. Guru hendaklah mengubah strategi PdP jika ada murid yang belum menguasai tahap penguasaan kemahiran TMK dan KPK.

Carta alir di bawah adalah merujuk kepada bagaimana pelaksanaan Modul TMK dalam PdP



Rajah 1: Carta Alir Pelaksanaan Modul

Pelaksanaan PdP

- i. Pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pengintegrasian Modul TMK boleh dilaksanakan di makmal komputer atau dalam bilik darjah mengikut kesesuaian yang dinyatakan dalam modul.
- ii. Guru hendaklah menyesuaikan kandungan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan perkakasan dan perisian yang ada di sekolah. Tidak semua PdP Modul TMK dilaksanakan menggunakan perkakasan dan perisian TMK.

Peruntukan Geran Per Kapita

Peruntukan untuk melaksanakan Modul TMK boleh menggunakan peruntukan geran per kapita mata pelajaran sedia ada yang tersenarai dalam Jadual 1.

Pentaksiran

Pentaksiran kemahiran TMK dilaksanakan secara formatif menggunakan instrumen pentaksiran dalam Modul Aplikasi. Rubrik pentaksiran yang disediakan dalam Modul Aplikasi digunakan untuk menentukan tahap kemahiran murid.

KEMAHIRAN DALAM MODUL TMK

Berikut adalah merupakan senarai kemahiran TMK yang disusun mengikut empat komponen yang mempunyai objektif dan fokus yang tersendiri.

	KOMPONEN	KEMAHIRAN	OBJEKTIF	FOKUS
1.	Mengemukakan idea dan maklumat secara kreatif dan inovatif melalui TMK	1.1 Menaip, memilih atau menyunting teks. 1.2 Menyisip kotak teks, imej, jadual, audio atau video. 1.3 Menghasilkan rekaan digital untuk tujuan tertentu. 1.4 Menggunakan fitur <i>References</i> (rujukan). 1.5 Menggunakan fitur <i>Mail-merge</i> . 1.6 Menghasilkan persembahan multimedia. 1.7 Mengumpul atau mempersembahkan data dalam bentuk jadual dan graf. 1.8 Mengguna atau mencipta formula dalam hamparan elektronik. 1.9 Membangunkan Sistem Pangkalan Data. 1.10 Menganalisa data. 1.11 Menghasil dan menyunting imej, audio atau video. 1.12 Menggunakan fitur dalam sesuatu perisian untuk tujuan tertentu.	1. Mengaplikasi dan memperkukuh anpenggunaan perisian yang ditetapkan. 2. Menjadi pencipta yang kreatif.	Literasi Komputer: 1. Perisian Pemproses Kata 2. Perisian Hamparan Elektronik 3. Perisian Persembahan 4. Perisian Penyunting Grafik, Audio dan Video 5. Perisian Pangkalan Data
2.	Mencari, mengumpul, memproses dan menggunakan maklumat melalui TMK	2.1 Menggunakan pelayar web untuk mencari maklumat dalam bentuk teks atau imej berdasarkan kata kunci menggunakan enjin carian. 2.2 Mengumpul, memproses dan menyimpan maklumat yang diperolehi. 2.3 Menghasilkan dokumen elektronik yang menggabungkan teks dan grafik.	1. Menggunakan internet untuk memperoleh dan berkongsi maklumat. 2. Menjadi murid	Penggunaan Internet 1. Melayari Internet 2. Enjin carian 3. Emel 4. Kolaboratif

	KOMPONEN	KEMAHIRAN	OBJEKTIF	FOKUS
		2.4 Membina jaringan kooperatif dan kolaboratif menggunakan blog dan emel.	yang berpemikiran kreatif dan kritis melalui kaedah inkuiri	
3.	Menggunakan Pemikiran Komputasional untuk proses penyelesaian masalah	<p>3.1 Menganalisis data melalui pengecaman corak.</p> <p>3.2 Mempersembahkan data atau idea secara logik dan sistematik melalui graf, carta atau imej.</p> <p>3.3 Meleraikan sesuatu yang kompleks dalam bentuk komponen kecil.</p> <p>3.4 Menentukan aspek penting dalam sesuatu situasi, keadaan dan permasalahan.</p> <p>3.5 Menggunakan pendekatan langkah demi langkah (algoritma) secara sistematik dalam sesuatu situasi, keadaan dan permasalahan.</p> <p>3.6 Menginterpretasi data melalui kaedah visual seperti model, simulasi dan carta alir.</p> <p>3.7 Mengenal pasti dan menganalisis sumber TMK yang bersesuaian bagi mencapai matlamat untuk mendapatkan penyelesaian yang mungkin dengan cekap dan berkesan menggunakan teknologi komputer.</p>	<p>1. Mengenal pasti masalah.</p> <p>2. Menggunakan kepelbagaian teknik penyelesaian masalah.</p>	Teknik Penyelesaian Masalah

	KOMPONEN	KEMAHIRAN	OBJEKTIF	FOKUS
4.	Mengamalkan sikap bertanggungjawab dan beretika dalam TMK	4.1 Menghargai hak cipta orang lain. 4.2 Bertoleransi dengan rakan sekelas semasa menggunakan komputer. 4.3 Menyatakan sumber maklumat yang diperolehi dalam talian. 4.4 Menerapkan amalan teknologi hijau dalam TMK.	1. Mematuhi peraturan penggunaan makmal dan perkakasan komputer. 2. Mengamalkan etika TMK. 3. Mematuhi undang-undang siber 4. Penjagaan keselamatan dan kesihatan semasa menggunakan perkakasan komputer	Nilai dan Etika TMK yang boleh digabungkan secara merentas dengan komponen lain.

MOD PENGGUNAAN MODUL TMK

1. Murid sahaja guna TMK

Mod ini diguna pakai apabila murid diberikan tugas secara individu atau berkumpulan untuk disiapkan



2. Guru dan Murid guna TMK

Mod ini diguna pakai secara dua hala oleh guru dan murid. Contohnya penggunaan *Virtual Learning Environment (VLE)* dan emel.



3. Guru sahaja guna TMK

Mod ini diguna pakai apabila guru menjadikan TMK sebagai bahan bantu mengajar untuk menerang, membuat demonstrasi atau menjelaskan sesuatu konsep yang abstrak contohnya penggunaan animasi dan video.







CONTOH PENGINTEGRASIAN MODUL TMK DALAM PdP

Berikut adalah contoh-contoh pengintegrasian kemahiran TMK dalam mata pelajaran.

Pendidikan Kesenian

Tahun	1
Mata Pelajaran	Pendidikan Kesenian (Komponen Seni Visual)
Standard Kandungan	1.1 Bahasa Seni Visual 2.1 Kemahiran Seni Visual 3.1 Penghasilan Karya Kreatif 4.1 Menghayati Karya Seni
Standard Pembelajaran	1.1.1 Mengenal, memahami, dan menamakan bahasa seni visual yang ada pada karya dalam menggambar 1.1.2 Mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, penggunaan media serta teknik dan proses dalam penghasilan karya bidang menggambar. 1.1.3 Menzahirkan idea melalui pelbagai sumber dan teknologi dengan mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman, dan kemahiran bahasa seni visual dalam menghasilkan karya 1.1.4 Membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual , teknik dan proses serta menghubungkan kait seni dengan disiplin ilmu yang lain.
Kemahiran TMK	1.3 Menghasilkan rekaan digital untuk tujuan tertentu
Masa	1 Jam x 1 sesi pengajaran


Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p><u>P&P AKTIVITI</u></p> <p>1.1 Bahasa Seni Visual</p> <p><u>Langkah 1</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Guru menerangkan tentang bahasa seni visual dalam karya lukisan:- <ol style="list-style-type: none"> Garisan rupa imbangan kepelbagaian <div style="text-align: center;">  <p style="font-size: small; margin: 0;">Garisan Rupa Imbangan Kepelbagaian</p> </div> <ul style="list-style-type: none"> Menjana idea untuk menghasilkan karya lukisan haiwan 	

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p>berdasarkan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> benda maujud gambar tayangan multimedia 	
<p>2.1 Kemahiran Seni Visual</p> <p>Langkah 2</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru menjelaskan media dan teknik untuk menghasilkan karya lukisan. <p>Contoh Media kering:</p>  <p>Contoh Teknik lukisan:</p>  <p>Teknik garisan selari Teknik Silang pangkah Teknik Titik-titik</p>	<p>1.3 Menghasilkan rekaan digital untuk tujuan tertentu</p>

Cadangan Aktiviti

Kemahiran TMK


- Guru menunjuk cara menghasilkan lukisan haiwan menekankan kemahiran:-
 - a) melakar
 - b) mewarna




3.1 Penghasilan Karya Kreatif

Langkah 3

- Murid menghasilkan karya lukisan secara kreatif dan unik dengan bimbingan guru.
- Murid melakar rupa bulatan haiwan.



- Murid mewarnakan haiwan dengan menggunakan warna yang menarik dan ceria.
- Murid menggunakan kepelbagaian warna dalam penghasilan karya



Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<ul style="list-style-type: none"> Membuat kemasan pada hasil karya. <div data-bbox="431 327 760 659" data-label="Image"> </div>	
<p>4.1 Menghayati Karya Seni</p> <p><u>Langkah 4</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mempamerkan hasil karya Murid menceritakan tentang pengalaman menghasilkan karya. 	

Tahun	1
Mata Pelajaran	Pendidikan Kesenian (Komponen Muzik)
Standard Kandungan	3.2 Kreativiti dan inovasi.
Standard Pembelajaran	3.2.1 Menghasilkan pelbagai bunyi.
Kemahiran TMK	1.7 Mengumpul atau mempersembahkan data dalam bentuk jadual dan graf 1.10 Menganalisa data 1.11 Menghasil dan menyunting imej, audio atau video
Masa	30 minit x 4 sesi pengajaran

Cadangan Aktiviti	KemahiranTMK
<p>Langkah 1</p> <p>Murid meneroka pelbagai bunyi dari bahan yang berada di dalam kelas.</p>	
<p>Langkah 2</p> <p>Murid dibahagi kepada tiga kumpulan. Setiap kumpulan akan meneroka semua bunyi yang dihasilkan di setiap stesen.</p> <p>Stesen A</p> <p>Murid meneroka bunyi apabila bahan diketuk menggunakan kayu pemukul. (Contoh : baldi, gayung, tin, permukaan meja, permukaan lantai kelas)</p> <p>Stesen B</p> <p>Murid meneroka bunyi apabila bahan digoncang. (Contoh :botol berisi pasir, botol berisi air ,bekas pensel, tin berisi pasir)</p>	1.7 Mengumpul atau mempersembahkan data dalam bentuk jadual dan graf

Cadangan Aktiviti	KemahiranTMK						
<p>Stesen C</p> <p>Murid meneroka bunyi apabila bahan digosok padaobjek lain. (Contoh :beg plastik , berus kain plastik pada permukaan meja , penutup tin pada permukaan lantai)</p>							
<p>Langkah 3</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru bersoal jawab dengan murid tentang hasil penerokaan mereka. <table border="1" data-bbox="211 722 904 1228"> <thead> <tr> <th data-bbox="211 722 553 816">Contoh Soalan Guru</th> <th data-bbox="553 722 904 816">Contoh Jawapan Murid</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="211 816 553 989"> <input type="checkbox"/> Bagaimanakah cara kamu menghasilkan bunyi itu? </td> <td data-bbox="553 816 904 989"> <input type="checkbox"/> Diketuk, digoyang atau digoncang, digesek atau digosok. </td> </tr> <tr> <td data-bbox="211 989 553 1228"> <input type="checkbox"/> Berikan contoh bahan yang boleh menghasilkan bunyi. </td> <td data-bbox="553 989 904 1228"> <input type="checkbox"/> Baldi, gayung, botol berisi pasir, botol berisi air, beg plastik dan berus kain plastik. </td> </tr> </tbody> </table>	Contoh Soalan Guru	Contoh Jawapan Murid	<input type="checkbox"/> Bagaimanakah cara kamu menghasilkan bunyi itu?	<input type="checkbox"/> Diketuk, digoyang atau digoncang, digesek atau digosok.	<input type="checkbox"/> Berikan contoh bahan yang boleh menghasilkan bunyi.	<input type="checkbox"/> Baldi, gayung, botol berisi pasir, botol berisi air, beg plastik dan berus kain plastik.	<p>1.11 Menganalisa data</p>
Contoh Soalan Guru	Contoh Jawapan Murid						
<input type="checkbox"/> Bagaimanakah cara kamu menghasilkan bunyi itu?	<input type="checkbox"/> Diketuk, digoyang atau digoncang, digesek atau digosok.						
<input type="checkbox"/> Berikan contoh bahan yang boleh menghasilkan bunyi.	<input type="checkbox"/> Baldi, gayung, botol berisi pasir, botol berisi air, beg plastik dan berus kain plastik.						
<p>Langkah 4</p> <ul style="list-style-type: none"> Murid akan menghasilkan bunyi berdasarkan kad yang ditunjuk oleh guru mengikut kumpulan masing-masing. <p>Contoh kad aktiviti:</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="background-color: #00aaff; color: white; padding: 5px 15px; border: 1px solid black;">gosok</div> <div style="background-color: #00aaff; color: white; padding: 5px 15px; border: 1px solid black;">Ketuk</div> <div style="background-color: #00aaff; color: white; padding: 5px 15px; border: 1px solid black;">goncang</div> </div>	<p>1.7 Mengumpul atau mempersembahkan data dalam bentuk jadual dan graf</p>						

Cadangan Aktiviti	KemahiranTMK
<p>Langkah 5</p> <ul style="list-style-type: none"> Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan akan diberi set kad akitiviti . Mereka menghasilkan karya dengan menyusun kad gambar tersebut. <p>Contoh susunan kad.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin: 10px 0;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 5px; background-color: #00aaff; color: white;">gosok</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 5px; background-color: #00aaff; color: white;">ketuk</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 5px; background-color: #00aaff; color: white;">gosok</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 5px; background-color: #00aaff; color: white;">goncang</div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin: 10px 0;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 5px; background-color: #00aaff; color: white;">ketuk</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 5px; background-color: #00aaff; color: white;">goncang</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 5px; background-color: #00aaff; color: white;">gosok</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px 5px; background-color: #00aaff; color: white;">ketuk</div> </div> <ul style="list-style-type: none"> Mereka berbincang, merancang dan menetapkan tugas setiap ahli kumpulan. (Lampiran 1). 	<p>1.7 Mengumpul atau mempersembahkan data dalam bentuk jadual dan graf</p>
<p>Langkah 6</p> <ul style="list-style-type: none"> Setiap kumpulan akan: <ul style="list-style-type: none"> i. membuat latihan dalam kumpulan masing-masing. ii. mempersembahkan hasil karya mereka. Murid merakamkan hasil ciptaan mereka. 	<p>1.7 Mengumpul atau mempersembahkan data dalam bentuk jadual dan graf</p> <p>1.11 Menghasil dan menyunting imej, audio atau video</p>

Contoh lampiran untuk langkah 5

Nama kumpulan : _____

Ketua kumpulan : _____

Ahli kumpulan : _____

Nama pemuzik	Contoh Aktiviti (goncang/ketuk/gosok)

Tahun	1
Mata Pelajaran	Pendidikan Kesenian (Komponen Seni Visual & Muzik)
Standard Kandungan	3.3 Projek Kesenian
Standard Pembelajaran	3.3.1 Mempamerkan hasil karya untuk persembahan 3.3.2 Membuat persembahan kumpulan
Kemahiran TMK	3.3 Meleraikan sesuatu yang kompleks dalam bentuk komponen kecil.
Masa	60 minit x 3 sesi pengajaran (Seni Visual) 30 minit x 3 sesi pengajaran (Seni Muzik)

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p>Penekanan oleh Guru Seni Visual & Muzik</p> <p>Langkah 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru dan murid berbincang tentang projek kesenian bertemakan “Alam Haiwan”. Semua murid terlibat untuk menjayakan aktiviti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Pameran seni mini b) Persembahan mini 2. Guru dan murid berbincang tentang: <ol style="list-style-type: none"> a) atur cara b) pengacara 3. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Setiap kumpulan berbincang, merancang dan menetapkan. <ol style="list-style-type: none"> i. Nama kumpulan ii. Ketua kumpulan iii. Ahli Kumpulan iv. Tugas: <ol style="list-style-type: none"> a. Pameran mini b. Persembahan mini 4. Projek kesenian berskala kecil dijalankan di dalam kelas mengikut kreativiti guru dan murid. 	<p>3.3 Meleraikan sesuatu yang kompleks dalam bentuk komponen kecil.</p>

Penekanan oleh **Guru Seni Visual**

Langkah 1

Setiap kumpulan akan melakukan aktiviti berikut:

a) **Sebelum Pameran**

- Mengumpul karya kreatif untuk dipamer.
- Guru bersama-sama murid memilih karya untuk dipamerkan

Langkah 2

- Merancang susun atur pameran
Contoh:
 - i. mengantung karya - contoh karya: arca mobail
 - ii. menampal karya di dinding - contoh karya: lukisan
 - iii. susun atur atas meja - contoh karya: model



Langkah 3

- Melabelkan kapsyen pada karya
Contoh:

Nama:
Tajuk:
Tahun:
Harga:

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p>Penekanan oleh Guru Muzik</p> <p><u>Langkah 1</u></p> <p>1. Setiap kumpulan akan melakukan aktiviti berikut:</p> <p>a. Sebelum Persembahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merancang dan menetapkan tajuk persembahan Contoh: Fantasi Alam Rimba. • Guru dan murid berbincangan tentang aktiviti yang bersesuaian dengan persembahan Fantasi Alam Rimba Contoh: <ul style="list-style-type: none"> i. Cerita Fantasi Alam Rimba ii. Watak-watak di dalam cerita iii. Kesan bunyi di dalam hutan iv. Pergerakan yang bersesuaian berdasarkan lagu-lagu yang telah dipilih. v. Memilih props yang sesuai untuk persembahan (Setiap pilihan props adalah dari hasil karya mereka semasa pembelajaran Seni Visual) • Menetapkan tugas. (Lampiran A) • Membuat latihan dalam kumpulan 	<p>3.3 Meleraikan sesuatu yang kompleks dalam bentuk komponen kecil.</p>


Lampiran A

Nama kumpulan : _____
Ketua kumpulan : _____
Ahli kumpulan : _____

Nama pemuzik	Alat Muzik Yang Dimainkan

Nama Pelakon	Watak


Tahun	1
Mata Pelajaran	Pendidikan Kesenian (Komponen Seni Visual & Muzik)
Standard Kandungan	3.3 Projek Kesenian
Standard Pembelajaran	3.3.1 Mempamerkan hasil karya untuk persembahan 3.3.2 Membuat persembahan kumpulan
Kemahiran TMK	3.3 Meleraikan sesuatu yang kompleks dalam bentuk komponen kecil.
Masa	60 minit x 1 sesi pengajaran (Seni Visual) 30 minit x 1 sesi pengajaran (Seni Muzik)

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p>Penekanan oleh Guru Seni Visual</p> <p><u>Langkah 1</u></p> <p>b) Semasa Pameran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menceritakan tentang karya sendiri kepada guru dan rakan. • Memastikan keselamatan bahan dan alatan semasa pameran berlangsung.  <p><u>Langkah 2</u></p> <p>c) Selepas Pameran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyimpan bahan pameran ditetapkan • Menyimpan alatan di tempat penyimpanan • Membersihkan ruang pameran 	<p>3.3 Meleraikan sesuatu yang kompleks dalam bentuk komponen kecil.</p>

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p>Penekanan oleh Guru Muzik</p> <p><u>Langkah 1</u></p> <p>b. Semasa Persembahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberi perhatian atau tumpuan kepada persembahan kumpulan lain. • Sentiasa mematuhi arahan ketua kumpulan <p><u>Langkah 2</u></p> <p>c) Selepas Persembahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyimpan peralatan yang digunakan • Membersihkan ruang persembahan 	

Pendidikan Moral

Tahun	1
Mata Pelajaran:	Pendidikan Moral
Standard Kandungan:	12. Kerjasama dalam kehidupan seharian
Standard Pembelajaran:	12.3 Merancang aktiviti yang menunjukkan sikap kerjasama. 12.4 Meluahkan perasaan apabila melaksanakan aktiviti bersama-sama.
Kemahiran TMK:	2.1 Menggunakan pelayar web untuk mencari maklumat dalam bentuk teks atau imej berdasarkan kata kunci menggunakan enjin carian. 1.1 Menaip, memilih atau menyunting teks. 4.4 Menerapkan amalan teknologi hijau dalam TMK.

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p>1. Guru menunjukkan beberapa contoh bahan kitar semula menerusi internet.</p> <p>Contoh: alat permainan</p> 	<p>2.1 Menggunakan pelayar web untuk mencari maklumat dalam bentuk teks atau imej berdasarkan kata kunci menggunakan enjin carian.</p> <p>1.1 Menaip, memilih atau menyunting teks.</p>

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p>2. Guru bersoal-jawab mengenai bahan-bahan yang digunakan untuk membuat realia tersebut dan kebaikan kitar semula. Murid diajukan dengan soalan-soalan berikut:</p> <p>2.1 Apakah bahan yang digunakan untuk membentuk realia ini?</p> <p>2.2 Nyatakan dua kebaikan kitar semula.</p> <p>2.3 Sejauh manakah berkesannya kempen kitar semula di Malaysia?</p> <p>3. Guru memberi penerangan mengenai aktiviti melakar poster bertemakan 'Kerjasama dalam Kitar Semula' menggunakan perisian komputer. Setiap kumpulan diminta menghasilkan sebuah poster menggunakan perisian komputer (Lampiran 1).</p> <p>4. Murid menyatakan kebaikan bekerjasama berdasarkan pengalaman murid semasa menjalankan aktiviti tersebut.</p> <p>5. Murid mengumpulkan beberapa longgokan bahan seperti surat khabar, penyedut minuman, kotak, botol plastik, lidi dan ranting yang dibawa dari rumah.</p> <p>6. Guru menjelaskan konsep 3R kepada murid.</p> <p>7. Murid merancang dan melakukan aktiviti yang boleh dilakukan dengan menggunakan bahan tersebut secara kumpulan (Lampiran 2).</p> <p>Contoh: Membina model bangunan, tabung, kenderaan mainan</p>	<p>4.4 Menerapkan amalan teknologi hijau dalam TMK.</p>

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p>8. Murid diajukan dengan soalan-soalan berikut:</p> <p>8.1 Apakah perasaan anda setelah melakukan aktiviti ini secara bekerjasama?</p> <p>8.2 Ramalkan kesan jangka panjang jika kitar semula tidak dilakukan?</p> <p>9. Guru merumuskan pelajaran hari ini dengan menekankan penghayatan nilai dan amalan kerjasama serta memberi penegasan kepada amalan 3R dalam kehidupan seharian. Di samping itu, guru juga menekankan kelebihan mengamalkan TMK dalam kehidupan seharian.</p>	

Contoh poster yang menunjukkan kitar semula.



Contoh tabung yang diperbuat daripada bahan buangan.



Matematik

Tahun	2
Mata pelajaran:	Matematik
Standard Kandungan:	8.1 Mengumpul, mengelas dan menyusun data 8.2 Carta Palang 8.3 Penyelesaian masalah
Standard Pembelajaran:	8.1.1 Mengumpul data berdasarkan situasi harian. 8.2.1 Membaca dan mendapatkan maklumat daripada carta palang. 8.3.1 Menyelesaikan masalah melibatkan situasi harian.
Kemahiran TMK	1.7 Mengumpul atau mempersembahkan data dalam bentuk jadual dan graf
Tempoh masa:	60 minit – 120 minit

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<ol style="list-style-type: none">1. Guru bertanyakan murid,<ul style="list-style-type: none">- “Siapakah tokoh murid yang mahu kita pilih pada tahun ini?”- “Bagaimana untuk kita mendapatkan maklumat ini?”Jangkaan guru: Maklumat boleh diperolehi dengan mengumpul data melalui tinjauan, undian, dll.2. Guru menyediakan helaian kosong untuk diisi oleh murid dan dihantar semula di dalam kotak yang guru sediakan (dalam bentuk undian)3. Setelah semua murid telah mengundi, guru akan membacakan satu-per-satu nama yang dipilih murid.4. Dengan menggunakan kaedah gundalan, murid mengumpul data yang dibaca dan merekod dapatan undian.5. Data yang dikumpul direkodkan dalam hamparan elektronik dalam bentuk jadual frekuensi.6. Murid membina carta pai dan carta palang	1.7 Mengumpul atau mempersembahkan data dalam bentuk jadual dan graf

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p>menggunakan perisian yang sesuai bagi mewakili data.</p> <p>7. Guru berbincang dengan murid dapatan data.</p> <p>8. Guru bertanyakan murid:</p> <ul style="list-style-type: none"> - “Sekiranya terdapat 5 orang murid yang tidak hadir hari ini, datang mengundi pada hari esok, apakah perubahan berlaku dalam data undian?” <p>Jangkaan guru: Data akan berubah. Data baharu perlu direkodkan dan dimasukkan dalam jadual frekuensi.</p> <p>9. Jadual baharu diubah dan dilihat perubahan pada carta pai dan carta palang yang terhasil.</p> <p>10. Guru berbincang dengan murid dapatan data.</p>	

Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesehatan

Tahun	1
Mata Pelajaran	Pendidikan Kesehatan
Standard Kandungan	1.1 Kemahiran Membuat keputusan dalam konteks kesihatan diri dan reproduktif
Standard Pembelajaran	Kebersihan Fizikal
Kemahiran TMK	1.1 Menaip, memilih atau menyunting teks

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<ul style="list-style-type: none">- Menjaga kebersihan bahagian tubuh- Menyediakan imej tubuh kosong dalam skrin komputer- Menaip nama-nama bahagian tubuh yang perlu dijaga kebersihan<ul style="list-style-type: none">• Rambut• Mata• Telinga• Hidung• Mulut• Bibir• Gigi- Menyediakan imej tubuh kosong dalam screen komputer- Menaip nama bahagian badan<ul style="list-style-type: none">• Payu dara• Dada• Bahu• Punggung- Tangan- Paha- Kaki- Kuku- Organ genital<ul style="list-style-type: none">• Zakar• Faraj- Dubur	1.1 Menaip, memilih atau menyunting teks

Tahun	1
Mata Pelajaran	Pendidikan Kesihatan
Standard Kandungan	9.1 Amalan pemakanan sihat dan selamat
Standard Pembelajaran	Makanan dan pemakanan yang berkhasiat
Kemahiran TMK	2.1 Mencari maklumat dalam bentuk teks atau imej berdasarkan kata kunci

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<ul style="list-style-type: none"> - Memilih Makanan dan pemakanan yang berkhasiat - Melayari laman sesawang untuk mencari gambar gambar makanan yang murid sukai - Mengasingkan gambar gambar makanan yang berkhasiat dan tidak berkhasiat dengan bimbingan guru 	2.1 Menggunakan pelayar web untuk mencari maklumat dalam bentuk teks atau imej berdasarkan kata kunci menggunakan enjin carian

Tahun	5
Mata Pelajaran	Pendidikan Kesihatan
Standard Kandungan	7.0 Penyakit dan cara mencegah serta mengurangkan faktor risiko penyakit dalam kehidupan.
Standard Pembelajaran	Penyakit campak Penyakit rubella Penyakit cacar Penyakit beguk i) Simptom ii) Cara merebak iii) Cara mencegah iv) Kawalan
Kemahiran TMK	2.1 Menggunakan pelayar web untuk mencari maklumat dalam bentuk teks atau imej berdasarkan kata kunci menggunakan enjin carian 2.4 Membina jaringan kooperatif dan kolaboratif menggunakan blog dan emel

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<ul style="list-style-type: none"> - menerangkan maksud penyakit berjangkit - membahagikan murid kepada 4 kumpulan - setiap kumpulan diberikan satu penyakit - menyediakan power point yang menerangkan penyakit tersebut - membuat persembahan. 	2.1 Menggunakan pelayar web untuk mencari maklumat dalam bentuk teks atau imej berdasarkan kata kunci menggunakan enjin carian 2.4 Membina jaringan kooperatif dan kolaboratif menggunakan blog dan emel

Tahun	4
Mata Pelajaran	Pendidikan Jasmani
Tajuk	Ujian SEGAK
Standard Kandungan	3.6
Standard Pembelajaran	3.6.1, 3.6.2, 4.6.1, 5.2.1, dan 5.3.1
Kemahiran TMK	1.8 Mengguna atau mencipta formula dalam hampan elektronik 2.1 Menggunakan pelayar web untuk mencari maklumat dalam bentuk teks atau imej berdasarkan kata kunci menggunakan enjin carian 2.2 Mengumpul, memproses dan menyimpan maklumat yang diperolehi 4.2 Bertoleransi dengan rakan sekelas semasa menggunakan komputer 4.3 Menyatakan sumber maklumat yang diperolehi dalam talian

Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p>1. Murid dibahagikan dalam kumpulan kecil (3 hingga 4 pasangan).</p> <p>2. Murid melakukan ujian SEGAK mengikut giliran kumpulan berdasarkan turutan ujian SEGAK seperti berikut:</p> <p>Ujian 1 Murid mengukur tinggi dan berat badan. Pengiraan BMI berdasarkan formula atau melayari laman sesawang.</p> <p>Melakukan aktiviti memanaskan badan dengan iringan muzik.</p>	<p>1.8 Mengguna atau mencipta formula dalam hampan elektronik</p> <p>4.2 Bertoleransi dengan rakan sekelas semasa menggunakan komputer</p> <p>4.3 Menyatakan sumber maklumat yang diperolehi dalam talian</p>


Cadangan Aktiviti	Kemahiran TMK
<p>Ujian 2 Naik Turun Bangku 3 Minit</p> <p>Ujian 3 a. Tekan Tubi (lelaki) b. Tekan Tubi Ubah Suai (perempuan)</p> <p>Ujian 4 Ringkuk Tubi Separa</p> <p>Ujian 5 Jangkauan Melunjur</p> <p>3. Menyejukkan badan. (regangan statik dengan iringan muzik)</p> <p>4. Murid membuat perbandingan antara skor ujian dengan norma SEGAK bagi setiap ujian untuk mendapatkan Status Kecergasan.</p> <p>5. Guru membimbing murid merancang pelan intervensi berdasarkan status kecergasan sendiri dengan membuat carian di laman sesawang berkaitan aktiviti fizikal yang sesuai. Pemilihan aktiviti adalah merujuk komponen kecergasan berdasarkan kesihatan.</p>	<p>2.1 Menggunakan pelayar web untuk mencari maklumat dalam bentuk teks atau imej berdasarkan kata kunci menggunakan enjin carian</p> <p>2.2 Mengumpul, memproses dan menyimpan maklumat yang diperolehi</p> <p>4.2 Bertoleransi dengan rakan sekelas semasa menggunakan komputer</p> <p>4.3 Menyatakan sumber maklumat yang diperolehi dalam talian</p>

English

Year	1
Subject	English Language Year
Theme / Topic	World of Knowledge (In the Kitchen)
Focus	Listening and Speaking
Duration	60 minutes
Content Standard	1.3 Pupils will be able to listen to, understand and respond in a variety of contexts
Learning Standard	1.3.2 Talk about a stimulus by (i) responding to Wh-questions
ICT Skills	1.2 Inserting text box, image, table, audio or video

Suggested Activities	ICT Skills
1. Teacher shows the class five (5) items found in the kitchen and gets pupils to name them. Items: tea pot, pan, bin, mat, fan	
